

D630

R 8508 DEB  
EKSP0

KUALA LUMPUR, 8 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MELANCARKAN +EKSP0 KEUSAHAWANAN PELAJAR+, SATU INISIATIF OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN YANG DIANGGAP UNIK, AWAL BULAN DEPAN.

EKSP0 TIGA HARI ITU, MULAI 7 DISEMBER DI CHANGKAT PAVILLION DI SINI, BERTUJUAN, ANTARA LAINYA, MEMIMBULKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN MASYARAKAT DENGAN BIBITNYA DITANAM DI PERINGKAT PELAJAR, KATA MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DALAM SIDANG AKHBARNYA HARI INI.

SAMBIL MENYIFATKAN EKSP0 ITU SEBAGAI SATU USAHA YANG TIDAK KEDAPATAN DI NEGARA-NEGARA LAIN, DATUK ABDULLAH BERKATA EKSP0 ITU MENYEDIAKAN 120 TAPAK GERAI UNTUK KUMPULAN PARA PELAJAR DALAM BIDANG BARANG-BARANG PEMBUATAN/CIPTAAN, PERMAINAN, PERKHIDMATAN DAN MAKAN-MINUM.

KEMENTERIAN TELAH MENERIMA 196 PERMOHONAN DARIPADA KUMPULAN-KUMPULAN PELAJAR DARI SEKOLAH-SEKOLAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR.

DATUK ABDULLAH BERKATA DALAM MEMBUAT PERSIAPAN ITU, PARA PELAJAR DIDEDAHKAN DENGAN USAHA MERANCANG, MENULIS KERTAS CADANGAN, MENKKAJI KEHENDAK PASARAN, MENGUMPUL MODAL DAN MEMBUAT ANGGARAN UNTUNG RUGI. -- LAGI.

#### EKSP0 2 KUALA LUMPUR

SEGALA KEUNTUNGAN YANG MUNGKIN DIPEROLEHI AKAN MENJADI HAK PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT YANG JUGA MENANGGUNG APA JUA KERUGIAN PERNIAGAAN MEREKA.

MENTERI ITU BERKATA KEMENTERIAN PELAJARAN BERHASRAT MENGADAKAN EKSP0 ITU DI TIAP-TIAP NEGERI DAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN.

PERBELANJAAN EKSP0 ITU DIANGGARKAN SEBANYAK \$130,000 YANG DIBIYAI DARIPADA WANG TAJAAN SUMBANGAN SYARIKAT-SYARIKAT.

MEMANDANGKAN USAHA ITU BERHUBUNGKAIT DENGAN SEKTOR SWASTA, DATUK ABDULLAH BERHARAP SEMUA PIHAK, TERUTAMA YANG TERLIBAT, MENGAMBIL PELUANG UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN SAMPINGAN. -- BERNAMA.

1400MST 18 11 85